



# KURSUS PENGURUSAN & TEKNIK OLAHRAGA MASTER YG KE-5

ANJURAN  
PERSATUAN OLAHRAGA MASTER MALAYSIA dan  
PERSATUAN OLAHRAGA MASTER SELANGOR

TEMPAT  
WISMA OCM, KUALA LUMPUR  
20 MEI 2023, 8.30 PG – 5.00 PTG

## LAPORAN



## **PENDAHULUAN**

Persatuan Olahraga Master Malaysia (POMM) dan Persatuan Olahraga Master Selangor (POMS) telah menganjurkan Kursus Pengurusan dan Teknik Olahraga Master Yang Ke-5, untuk atlet dan pegawai master persatuan olahraga master negeri pada:

Tarikh : 20 Mei 2023  
Hari : Hari Sabtu  
Masa : 8.30 pg – 5.00 ptg (Sabtu)  
Tempat: Hotel Olimpik, Jalan Hang Jebat,  
Kuala Lumpur,

Kursus ini merupakan kursus pengurusan dan teknik olahraga master dianjurkan bagi mendedahkan atlet-atlet master dan pegawai-pegawai pengurusan persatuan olahraga master mengenali prosedur pengurusan yang sistematik serta aspek-aspek teknik yang berbeza daripada kejohanan olahraga biasa (standard). Kursus sebegini adalah sangat penting kerana sukan olahraga master kian menjadi sangat popular bukan sahaja di Malaysia tetapi di serantau Asia.

Kami sebagai badan olahraga master induk, telah memberi pengetahuan tentang bagaimana mengurus persatuan dengan efektif dan pengetahuan dalam aspek teknik, peraturan-peraturan pertandingan serta undang-undang khas olahraga master. Kursus ini telah membantu peserta memahami kemahiran-kemahiran pengurusan untuk menyebarluaskan pengetahuan ini kepada ahli-ahli dalam persatuan masing-masing. Pengetahuan dan kemahiran ini akan dapat membantu semua pegawai yang terlibat dalam pengurusan persatuan dan dalam penganjuran sukan olahraga master memahami serta mengamalkan aspek teknik dengan jelasnya.

Aspek ‘Good Governance’ dan ‘The Games’ juga diselitkan dalam kursus ini kerana pengetahuan sebegini akan menjadikan peserta pengurus yang lebih efektif.

## **OBJEKTIF KURSUS**

### **KURSUS PENGURUSAN DAN TEKNIK OLAHRAGA MASTER**

**YG KE-5 ini bertujuan:**

1. Untuk memberi pengetahuan tentang pengurusan persatuan;
2. Untuk memberi pengetahuan dalam aspek komunikasi yang efektif dalam pengurusan persatuan;
3. Untuk memberi pengetahuan dalam menyelesaikan masalah serta membuat keputusan yang efektif;
4. Untuk memahami perbezaan utama antara olahraga standard dan olahraga masters; dan
5. Untuk menghayati dan mengenali prestasi atlet-atlet Antarabangsa.

## **BUTIRAN MENGENAI KURSUS PENGURUSAN DAN TEKNIK OLAHRAGA MASTER YG KE-5**

**ANJURAN :** Persatuan Olahraga Master Malaysia (POMM)  
dengan kerjasama  
Persatuan Olahraga Master Selangor (POMS)

**TARIKH :** 20 Mei 2023  
(Hari Sabtu)

**TEMPAT :** Hotel Olimpik, Jalan Hang Jebat,  
Kuala Lumpur

**PESERTA :** 57 orang yang terdiri daripada :

- Ahli Majlis Tertinggi POMM
- Ahli JK Induk POMS
- Wakil dari setiap Persatuan Olahraga Master Negeri  
POM Pulau Pinang  
POM Perak  
POM Selangor  
POM Kuala Lumpur  
POM Negeri Sembilan  
POM Pahang  
POM Melaka  
POM Sabah
- Atlet-atlet Master dari POMS
- Urus setia

### **TAJUK CERAMAH:**

- a. Pengurusan Persatuan
- b. 'Good Governance'
- c. Olahraga dan Olahraga Masters
- d. Komunikasi yang Efektif dan Penyelesaian Masalah
- e. 'The Games'
- f. 'Performances of Great Athletes'

## JADUAL KURSUS

MASA	PERKARA	CATATAN
8.30 – 9.00 pg	PENDAFTARAN PESERTA	URUS SETIA
9.00 – 9.15 pg	UPACARA PERASMIAN KURSUS	URUS SETIA
9.15 – 10.15 pg	PENGURUSAN PERSATUAN - Nilai, Visi, Misi dan Tugas JK Induk	CERAMAH 1
10.15 – 10.45 pg	MINUMAN PAGI	
10.45 – 11.45 pg	'GOOD GOVERNANCE'	CERAMAH 2
11.45 – 12.45 tgh	OLAHRAGA DAN OLAHRAGA MASTER Perbezaan utama antara olahraga dan olahraga master	CERAMAH 3
12.45- 2.00 ptg	MAKAN TENGAH HARI	
2.00 – 3.00 ptg	KOMUNIKASI YANG EFEKTIF & PENYELESAIAN MASALAH	CERAMAH 4
3.00 – 3.45 ptg	PERFORMANCES OF GREAT ATHLETES'	CERAMAH 5
3.45 – 4.30 ptg	"THE GAMES'	CERAMAH 6
4.30 – 5.00 ptg	UPACARA PENUTUPAN KURSUS & PENYAMPAIAN SIJIL JAMUAN	URUS SETIA

## **PENCERAMAH:**

### **1. Mr. S. Sivapragasam, AMW**

President MMAA & SMAA  
General Secretary Asia Masters Athletics (AMA)  
Council Member World Master Athletics (WMA)  
Advanced Coaching Course (East Germany)  
Former National Athletic Coach  
President of JETS Sports Club & World Runners Malaysia  
Vice President FT KLAA

### **2. Ms. Moira Tan Siew See**

Assistant General Secretary Olympic Council of Malaysia  
Chair person OCM Education and Training Committee  
IOC – OS Programme Director for management courses  
Former Teachers Education Institute Senior Lecturer

### **3. Mr. Fong Wan Hor**

General Manager of Olympic Council of Malaysia  
International relationship for Olympic Council of Malaysia  
IOC – OS National Course Director

### **4. Dr. Boon Pong Ying**

Former Teachers Education Institute Senior Lecturer  
Former IPGM Senate Member  
Module Writer for Wawasan Open University

### **5. Ms. R. Kalaivalli**

Advisor MMAA, SMAA & JETS Sports Club  
Women's Chairman, Asia Masters Athletics  
Former Teachers Education Institute Senior Lecturer  
Former IPGM Senate Member  
IOC – OS National Course Director  
Vice President FT KLAA

## **PENGINAPAN & MAKANAN**

Peserta-peserta dari luar negeri Selangor dan Kuala Lumpur telah diberi penginapan untuk 1 malam, pada 19 Mei 2023. Makanan telah disediakan sepanjang hari sebanyak 4 kali untuk semua peserta.

## UPACARA PERASMIAN KURSUS

Upacara perasmian kursus telah dilakukan oleh **Encik S. Sivapragasam AMW**, Presiden POMM selaku Setiausaha Agung Asia Masters Athletics (AMA).

## UPACARA PENUTUPAN DAN PENYAMPAIAN HADIAH & SIJIL

Sijil kehadiran kursus telah disampaikan kepada semua peserta oleh Penaung POMM, **YBhg Datuk Seri (Dr) V. Pulainthiran**. Presiden POMM , **Encik S. Sivapragasam** telah memberi ucapan terima kasih kepada Penaung POMM serta semua peserta kursus.

## KUIZ

Satu kuiz telah diberi kepada semua peserta pada akhir kursus bertujuan menilai sejauh mana kursus ini telah mempengaruhi semua peserta. Tiga orang peserta berikut telah menerima markah tertinggi dan telah menerima hadiah khas daripada POMM:

1. LETCHUMI PRABAH RAMACHANDRAN - AHLI POMS
2. ALIUDIIN JUMAAT – SAMAS
3. MURALI SUBRAMANIAM – SETIAUSAHA POMS



## **RUMUSAN**

Kursus Pengurusan dan Teknik Olahraga master Ke-5, telah dikendalikan secara sistematis mengikut jadual yang ditetapkan. Semua peserta telah mengikuti kursus dengan aktif. Terdapat interaksi yang sihat dan konstruktif di antara penceramah dan peserta. Beberapa perkara yang tidak diketahui oleh peserta telah dikemukaan dan jawapan telah dikongsikan untuk kebaikan semua.

Peserta telah tertarikh dengan informasi tentang perpermanan bekas atlet negara dan atlet dunia. Perbincangan dan perkongsian maklumat dalam tajuk ini memang menarik dan diminati oleh para peserta.

Para peserta telah memaklumkan bahawa kursus ini memang sangat berfaedah kepada mereka dan telah memperoleh banyak maklumat yang penting untuk pengurusan persatuan masing-masing. Tajuk pengurusan persatuan yang meliputi sub tajuk tentang eROSA, Kod Sukan Selamat telah mendapat sambutan yang baik daripada mereka. Ini merupakan pengetahuan baharu kepada mereka.

## **UCAPAN PENGHARGAAN**

POMM dan POMS mengucapkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua ahli majlis tertinggi POMM/POMS, persatuan-persatuan olahraga master negeri, Penolong Setiausaha Agung MOM dan Pengurus Besar MOM, serta semua pihak yang membantu dalam menjayakan kursus ini.

**Laporan disediakan oleh:**

**S. Sivapragasam, AMW  
PRESIDEN POMM/POMS  
22 Mei 2023**

## **GAMBAR-GAMBAR KURSUS**

### **UPACARA PERASMIAN KURSUS**



### **SEBAHAGIAN DARIPADA PESERTA KURSUS**



## PARA PENCERAMAH KURSUS





## MS MOIRA , PEN. SETIAUSAHA AGUNG MAJLIS OLIMPIK MALAYSIA



## MAKAN TENGAH HARI





## URUS SETIA KURSUS



KV/2023  
MMAA





